

Rancangan Ku Bukanlah Rancanganmu

Kenapa ia harus terjadi? Kenapa aku tidak mendapat tawaran tersebut? Aku dalam kesempitan wang untuk meneruskan pengajianku. Jadi, kenapa aku gagal?

Aku terus-menerus menyoal untuk melegakan kegawatan emosiku. Kini, bukan sahaja kegawatan ekonomi yang berlaku tetapi kegawatan emosi jua. Sebagai manusia biasa, kita sering mempersoalkan keadilan Tuhan terhadap kita. Kita sentiasa meragui ketaatan Tuhan terhadap kita. Kita juga selalu lupa akan berkat Tuhan yang melimpah-limpah dan membatasi kemampuan kita.

Kelemahanku sebenarnya adalah kekuatan Tuhan. Apabila aku lemah, ketaatan Tuhan dan kasih-sayangNya yang menegakkan keimanku. Rencana Tuhan adalah berbeza dengan rancangan ku dalam menentukan kehendakku dalam hidup ini. Mata kasar yang menilai lazimnya menggagalkan diriku. Tetapi, itu adalah selepas aku sedar akan kekuatan-Nya dan mengakui kelemahan diriku sendiri.

Masih kuingat ketika aku diterima masuk untuk program Sarjana di Universiti Malaya (UM), aku meragui ketaatan Tuhan kepadaku. Aku tidak dapat mengikuti kursus tersebut sebagai penuntut sepenuh masa seperti yang aku ingini. Aku tidak mendapat tawaran biasiswa disebabkan maklumat yang diberikan kepadaku adalah salah. Aku mempersalahkan pegawai yang memberi aku maklumat yang salah. Aku melepaskan geramku dengan mengadu perkara tersebut kepada rakan-rakan seperjuangan. Rakan-rakan yang senasib denganku turut mengukuhkan pandangan negatifku terhadap pegawai tersebut.

Dalam pada itu, aku masih menaruh harapan agar permohonanku di IAB-Bristol akan berhasil. Aku ingin benar belajar sepenuh masa. Belajar sambil bekerja amat membebankanku terutamanya tanggungjawab di sekolah tidak pernah berkurangan. Hari-hari yang berlalu dengan pelajaran di UM dan tugas di sekolah kadang-kadang

memadamkan semangatku untuk meneruskan pelajaranku. Kesempitan wang turut menggawatkan saku. Namun begitu, jiwa ini masih meronta-ronta untuk belajar. Surat yang meremukkan hati tiba suatu hari dari IAB. Aku tidak berjaya...!!! Sekali lagi aku mempersoalkan kasih dan ketaatan Tuhan. Namun, setelah merenung kembali segala rahmat-Nya, aku akur sebab aku sedar bahawa Tuhan turut bekerja dalam sesuatu untuk mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia, iaitu bagi mereka yang terpanggil sesuai dengan rencana Tuhan (Rom 8:28). Ayat ini menarik diriku balik ke alam nyata. Aku menetapkan hati untuk percaya bahawa kehendak-Nya adalah jauh lebih baik daripada kehendakku.

Aku terima kenyataan ini dengan hati yang redha. Aku tahu bahawa Tuhan tidak akan meninggalkanku setelah Dia membuka pintu perjalanan ini. Dengan hati yang sudah lega sedikit, aku menetapkan hati untuk meneruskan pengajian di UM tanpa berbelah-lagi. Azamku untuk berjaya berkobar-kobar semula. Segala tugas kusiapkan dengan penuh ketenangan dan kegembiraan walaupun kehidupan harianku sibuk dan tiada masa langsung untuk hal lain. Masa berdetik tanpa disadari.

Kuasa Tuhan tiada siapa yang dapat jangkakan. Cara untuk menentukan rencana-Nya jauh daripada imaginasi umat-Nya. Pada suatu pagi, aku dihubungi oleh pihak IAB untuk tawaran kursus IAB-Bristol. Aku kebingungan sebentar kerana hati untuk belajar di luar negeri sudah padam dan akar umbi kehendak tersebut tidak terasa lagi. Setelah berfikir panjang, aku terima tawaran tersebut. Aku mula melangkah ke 'puncak ilmu' di Genting Highlands dan seterusnya di Bristol dan hingga kini dalam penghujung pengajian. Kesemuanya adalah rencana Tuhan. Yang tidak baik pada pandangan kita sebenarnya adalah rahmat-Nya. Aku mulai sedar bahawa adalah kebaikan untukku agar tidak menerima biasiswa terlebih dahulu di UM. Kalau tidak, aku tidak berpeluang belajar di Bristol. Segala pembelajaran di UM adalah persediaan untukku menghadapi tugas di IAB-Bristol terutamanya dalam menyiapkan kertas

kerja dan pengetahuan dalam komputer. Celik komputer dan memilikinya ketika menuntut di UM adalah rahmat besar dalam pengajianku tidak kira sama ada di Bristol atau dalam menyiapkan tesisku.

“Sebab rancanganKu bukanlah rancanganmu, dan jalanmu bukanlah jalanKu” (Yesaya 55:8) menyedarkan aku bahawa tidak semua yang kita rancang adalah sama seperti cara Tuhan. Dalam menyedari kelemahanku adalah kekuatan Tuhanku, aku turut belajar untuk melihat masa depanku dengan cara memfokuskan kehendak Tuhan lebih daripada kehendak diriku. Segala ‘kegagalan’, ‘kekecewaan’ atau ‘kesengsaraan’ yang bakal dihadapi akan kubelajar untuk terima dengan hati yang terbuka dan menyerahkannya kepada Tuhan. Aku percaya bahawa segala rencana Tuhan adalah baik untuk diriku dan rancangan serta jalan-Nya tidak akan membawa kemusnahan dalam hidupku. Walaupun badai yang melanda, atau dalam apa-apa jua yang berlaku dalam kehidupanku, pasti ada rahmat Tuhan di sebaliknya. Kini, aku akan terus membiarkan Tuhan membawa aku ke alam kematangan dalam mempercayai-Nya dan memperteguhkan ketaatanku terhadap ketaatan-Nya.

Firman-Nya - “Percayalah kepada TUHAN dengan segenap hatimu, dan janganlah bersandar kepada pengertianmu sendiri. Akuilah Dia dalam segala lakumu, maka Dia akan meluruskan jalanmu” (Amsal 3:5-6) yang selama ini menjadi peganganku akan terus memimpinku hingga ke akhir hayatku.